

## TERMA RUJUKAN KAJIAN

### A. LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1. Nama Kajian

Kajian Peningkatan Sistem Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan Bersepadu Kerajaan Persekutuan (iGFMAS) Berasaskan Teknologi Pengkomputeran Awan.

#### 2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menjalankan kajian dan penilaian yang komprehensif ke atas sistem iGFMAS dan iSPLN sedia ada serta mencadangkan keperluan iGFMAS Baharu berasaskan teknologi pengkomputeran awan serta menyediakan laporan kajian penilaian;
- b) Menyediakan Laporan Awal iaitu Pelan Pengurusan Projek yang komprehensif;
- c) Menyediakan Laporan Kemajuan projek/kajian secara sukuan dan Laporan Interim iaitu Laporan Pelan dan Strategi iGFMAS Baharu; dan
- d) Menyediakan Laporan Akhir iaitu dokumen Spesifikasi Tender Pembangunan dan Pelaksanaan iGFMAS Baharu.

#### 3. Kos Siling Kajian

- a) Kos siling bagi kajian ini adalah sebanyak RM6,000,000.00 sahaja. Kos siling tersebut adalah merangkumi yuran perunding dan imbuhan balik. Kos imbuhan balik adalah tidak melebihi 3% dari kos keseluruhan projek/kajian.
- b) Kos siling termasuk SST 8% adalah RM6,480,000.00 sahaja.
- c) Petender hendaklah memastikan tawaran yang dikemukakan tidak melebihi siling tersebut.
- d) Bayaran kos perkhidmatan perunding adalah mengikut peringkat kemajuan kajian tertakluk laporan yang dikemukakan oleh perunding disempurnakan dan diluluskan oleh satu jawatankuasa.

#### **4. Tempoh Perkhidmatan Perunding**

Tempoh perkhidmatan perunding adalah **dua belas (12) bulan** bermula dari perjanjian berkuat kuasa sehingga laporan akhir diterima dan dipersetujui oleh satu jawatankuasa.

#### **5. Kaedah Penetapan Kos Perkhidmatan Perunding**

Penetapan kos perkhidmatan perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa dan Kos Imbuhan Balik. Kos imbuhan balik adalah mengikut keperluan dan perbelanjaan sebenar berdasarkan tuntutan yang dikemukakan dengan resit/bil tertakluk kepada had siling dan kelulusan Kerajaan. Perincian untuk menentukan kos perkhidmatan perunding ini hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding.

#### **6. Kod Bidang dan Kepakaran**

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat perunding tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa di bawah kod bidang Perkhidmatan Perunding Bukan Fizikal seperti berikut:
  - i. 340603 - Kajian Pengurusan Infrastruktur ICT;
  - ii. 340604 - Kajian Pengurusan Keselamatan ICT; dan
  - iii. 340605 - Kajian Pengurusan Maklumat ICT.
  
- b) Perunding perlu mempunyai kepakaran dalam bidang berikut:
  - i. Teknologi (Infrastruktur, Rangkaian, Perisian dan Teknologi);
  - ii. Teknologi Pengkomputeran Awan;
  - iii. Pengurusan Pemulihan Bencana;
  - iv. Pentadbiran pangkalan data dan sistem;
  - v. Keselamatan ICT;
  - vi. Pengurusan dan Perakaunan Kewangan;
  - vii. Perakaunan Pengurusan;
  - viii. Data Warehousing (DW) dan Business Intelligence (BI); dan
  - ix. Migrasi Sistem dan Migrasi Data.

## B. Pengenalan Sistem Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan Bersepadu Kerajaan Persekutuan (iGFMAS)

1. iGFMAS adalah sistem perakaunan yang dibangunkan berasaskan dua lejar iaitu perakaunan akruan dan tunai ubahsuai. iGFMAS dibangunkan menggunakan platform *SAP Enterprise Resource Planning* (SAP ECC6).
2. *SAP Enterprise Resource Planning* (SAP ECC6) boleh diakses melalui *SAP Enterprise Portal* (portal) dan *SAP Graphical User Interface* (SAPGUI) yang boleh diubahsuai mengikut keperluan pengguna.
3. iGFMAS dibangunkan dengan ciri-ciri berikut:
  - a) **Harmoni:** sistem menyokong perakaunan akruan dan tunai ubahsuai.
  - b) **Integrasi:** merupakan satu sistem yang berintegrasi antara modul, sistem agensi dan boleh menjalankan fungsi Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan.
  - c) **Berpusat:** sistem dan pangkalan data yang berpusat yang meningkatkan data integriti serta membolehkan capaian kepada laporan secara dalam talian pada masa nyata (*real time*).
  - d) **Peningkatan dan konsolidasi:** peningkatan dan konsolidasi sistem legasi GFMAS, eSPKB dan eTerimaan untuk membolehkan fungsi-fungsi terkini digunapakai termasuk penggunaan *Standardized Interface Description Document* (IDD).
4. iGFMAS telah *Go Live* secara *big bang* pada 1 Januari 2018. Ia beroperasi secara berpusat yang boleh diakses oleh Ibu Pejabat, 52 Pejabat Perakaunan, 6,008 Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan jumlah pengguna 68,739 orang.
5. iGFMAS dibangunkan bagi memenuhi keperluan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan Malaysia (FGOM) iaitu berupaya memproses dan melaporkan semua urusan beraskan akruan dan tunai ubahsuai melalui fungsi berikut:
  - a) Struktur hierarki organisasi dan pelaporan Kerajaan Persekutuan;
  - b) Konsep *dual ledger* - memproses dan melaporkan dalam asas akruan dan asas tunai ubahsuai;

- c) Konsep *inter entity* - memproses dan melaporkan di peringkat Pegawai Pengawal dan Dana; dan
- d) Portal disediakan dalam Bahasa Melayu dan SAPGUI dwibahasa.

### **C. Pengenalan Sistem Perakaunan Luar Negeri (iSPLN)**

1. iSPLN adalah sistem pengurusan kewangan dan perakaunan berkomputer berasaskan akruan bagi agensi Kerajaan di luar negeri. Pelaksanaan iSPLN bermula pada 4 Januari 2016 menggantikan (Sistem Perakaunan Luar Negeri) SPLN dan telah digunapakai oleh 157 Pusat Tanggungjawab (PTJ) luar negeri di bawah 9 buah Kementerian/Jabatan.
2. iSPLN berintegrasi dengan iGFMAS untuk memperakaunkan transaksi iSPLN secara harian diperingkat Kerajaan Persekutuan.
3. Ciri-ciri iSPLN adalah seperti berikut:
  - a) Mempunyai kawalan keselamatan ([https/VPN/ID](https://VPN/ID));
  - b) Mempunyai elemen akruan *receivable* dan *payable* ;
  - c) Kod akaun berdasarkan Carta Akaun Akruan (CAA) iGFMAS;
  - d) Medium sistem dalam Bahasa Inggeris;
  - e) Paparan sistem *dropdown* menu;
  - f) Mempunyai fasiliti hebahan/buletin;
  - g) Pelbagai jenis pembayaran (TT/EFT/Panjar);
  - h) Transaksi adalah *single-point data entry*;
  - i) Urusniaga melibatkan pelbagai mata wang; dan
  - j) Pengiraan untung/rugi secara automatik